

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan pelan jangka masa panjang sistematik dari KPM untuk menangani isu gangguan seksual di sekolah memandangkan 275 testimoni oleh para bekas pelajar dan pelajar semasa mengenai kes-kes gangguan seksual, buli dan pemeriksaan haid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPM sentiasa komited untuk memastikan persekitaran sekolah adalah selamat. Bagi pencegahan gangguan seksual di sekolah, KPM melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melaksanakan intervensi dengan menggunakan Modul Intervensi Jenayah Seksual Kanak-Kanak di Sekolah (IHSAN). Modul ini antara lain, memberi pemahaman serta meningkatkan kesedaran murid berkaitan jenayah seksual.

Program kesedaran berterusan turut dilaksanakan oleh KPM dengan kerjasama agensi kerajaan atau bukan kerajaan dalam menyebarkan maklumat psikopendidikan, kesihatan reproduktif dan ancaman gangguan seksual.

Selain itu, Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditempatkan di semua sekolah KPM turut memainkan peranan untuk memastikan keselamatan murid-murid

SOALAN NO : 54

termasuk salah laku jenayah seperti gangguan seksual dan masalah disiplin sentiasa dipantau. PPS mengadakan lawatan ke sekolah sebanyak 2 kali sebulan bagi memberikan ceramah berkaitan pencegahan jenayah kepada murid dan juga sebaran maklumat di papan kenyataan PPS yang disediakan di semua sekolah.

Sekiranya berlaku sebarang kejadian gangguan seksual melibatkan murid, Guru Bimbingan dan Kaunseling akan memainkan peranan untuk memberi sokongan kepada murid melalui sesi kaunseling bagi memastikan kesejahteraan, kesihatan, keselamatan serta kebajikan murid terjaga.

Sekiranya pelaku adalah penjawat awam dan didapati bersalah, maka tindakan tatatertib akan dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993). Pelaku tersebut juga boleh dikenakan hukuman di bawah Akta Kanak Kanak 2001 ataupun di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792). Selain itu, pelaku turut boleh dikenakan hukuman di bawah Kanun Keseksaan (Seksyen 354 atau Seksyen 509). Penjawat awam yang sedang dalam prosiding tatatertib/mahkamah tidak akan dipertimbangkan untuk urusan kenaikan pangkat sehingga dibebaskan daripada pertuduhan atau selesai hukuman tatatertib.

Penjawat awam yang didapati bersalah boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat atau buang kerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang meneliti secara menyeluruh perkara berkaitan peraturan-peraturan disiplin termasuk salah laku gangguan seksual melibatkan warga sekolah. Antara lain, penelitian akan dibuat terhadap proses aduan dan siasatan, khidmat sokongan kepada mangsa, perlindungan kepada *whistle blower* dan hukuman tatatertib kepada pelaku. Peraturan baharu yang lebih komprehensif akan dirangka bagi menggantikan peraturan sedia ada.